Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1
Tarikh : 5 Februari 2021

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 4/2021

SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN GARIS PANDUAN BEKERJA DARI RUMAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) UKM yang dibuat secara pekeliling bertarikh 27 Januari 2021 dan akan berkuat kuasa pada **8 Februari 2021 (Isnin).**

3. Sebagai makluman, Garis Panduan ini telah diperhalusi secara bersama antara pihak pengurusan universiti dengan Ketua Unit Integriti, Wakil Penasihat Undang-Undang, Wakil Hospital Pengajar Universiti, Wakil Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (PKAUKM), Wakil Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERTADI) dan Wakil Kesatuan Kakitangan AM (KESUKMA) bagi meneliti kesesuaian pelaksanaanya di UKM. Hasil perbincangan tersebut telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) dan LPU untuk perakuan dan kelulusan.

4. Bersama-sama ini, dilampirkan Garis Panduan BDR UKM untuk rujukan dan panduan warga UKM. Sebarang maklumat lanjut yang diperlukan mengenainya, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi **Encik Zaidi Mohd Noor, Ketua Penolong Pendaftar /Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar di talian 03-8921 5075 atau e-mel: zaidi_mn@ukm.edu.my.**

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DR. HJH. INA MD YASIN
Pendaftar

s.k:
- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)
- Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang